**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **50 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,003 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Kunak. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 91 menjadikan jumlah kumulatif 57,861 orang. Seramai 567 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 228 orang di hospital dan 339 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 36 orang dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| TAWAU | 19 | 0 |
| KOTA KINABALU | 11 | 0 |
| LAHAD DATU | 6 | 0 |
| KALABAKAN | 5 | 0 |
| KUNAK | 5 | 1 |
| SANDAKAN | 1 | 0 |
| KENINGAU | 1 | 0 |
| RANAU | 1 | 0 |
| BEAUFORT | 1 | 0 |
| PENAMPANG | 0 | 0 |
| PUTATAN | 0 | 0 |
| PAPAR | 0 | 0 |
| TUARAN | 0 | 0 |
| KINABATANGAN | 0 | 0 |
| SEMPORNA | 0 | 0 |
| KOTA BELUD | 0 | 0 |
| BELURAN | 0 | 0 |
| TELUPID | 0 | 0 |
| TONGOD | 0 | 0 |
| KUDAT | 0 | 0 |
| PITAS | 0 | 0 |
| KOTA MARUDU | 0 | 0 |
| KUALA PENYU | 0 | 0 |
| SIPITANG | 0 | 0 |
| TENOM | 0 | 0 |
| NABAWAN | 0 | 0 |
| TAMBUNAN | 0 | 0 |
| JUMLAH | 50 KES | 01 KES |



Daerah Tuaran bertukar dari zon jingga ke zon kuning

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning 11 daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

6 Daripada 50 kes positif COVID-19, sebanyak 31 kes (62%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, sembilan (9) kes (18%) saringan bergejala, tujuh (7) kes (14%) dari kluster sedia ada serta tiga (3) kes (4.2%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit

- Hospital 569 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 14.18%.

## B SOP PKPB BAGI SELURUH NEGERI SABAH

1 Ketetapan Baharu SOP PKPB bagi seluruh Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

2 Sebarang ketetapan lain boleh dirujuk pada SOP PKPB bagi seluruh Negeri Sabah yang dikemaskini pada 7 Mei 2021.

## C SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUNG KERAMAT, SEMPORNA

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Keramat, Semporna adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

## D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **dua (2)** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,263** orang.

2 Bagi Dos 2 vaksin, 250 orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,315** orang.

3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **1,204** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **29,603** orang.

4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, **1,299** orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **1,300** orang.

5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **2,140** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **483,901** (mysejahtera 425,317 : laman web 58,342 : talian vaksinasi 242) bersamaan 16.5%.

## E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **320,923** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 52 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 30,095 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 112 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dengan tiga (3) tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 32 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 30 orang : Tidak memakai pelitup muka
- Dua (2) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 105 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 1,135 lokasi melibatkan seramai 244 anggota APM.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 55 lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kinabatangan, Sandakan, Beluran dan Kota Kinabalu.

7 Sejumlah 32 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 232 hebahan di seluruh Sabah.

## G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.4%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Kudat | 98% |
| 2 | Beluran | 98% |
| 3 | Tenom | 98% |
| 4 | Kota Marudu | 98% |
| 5 | Beaufort | 98% |
| 6 | Sipitang | 98% |
| 7 | Kunak | 98% |
| 8 | Kinabatangan | 98% |
| 9 | Kota Belud | 98% |
| 10 | Lahad Datu | 97.5% |
| 11 | Tuaran | 97.5% |
| 12 | Semporna | 97.5% |
| 13 | Papar | 97.5% |
| 14 | Keningau | 97% |
| 15 | Penampang | 97% |
| 16 | Ranau | 97% |
| 17 | Kota Kinabalu | 96% |
| 18 | Tawau | 96% |
| 19 | Sandakan | 96% |

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**11 MEI 2021**

**LAMPIRAN A**

KETETAPAN BAHARU

# SOP PKPB BAGI SELURUH NEGERI SABAH

TARIKH KUATKUASA: 12 MEI 2021 HINGGA 7 JUN 2021

**NOTA:**
**SEBARANG KETETAPAN LAIN BOLEH DIRUJUK PADA SOP PKPB BAGI SELURUH NEGERI SABAH YANG DIKEMASKINI PADA 7 MEI 2021 MELALUI LAMAN RASMI MKN SABAH**

## SOP HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SABAH 2021

| No | AKTIVITI | SOP |
|---|---|---|
| 1 | TAKBIR RAYA DI MASJID/SURAU | • Dibenarkan selepas Solat Isyak dan Solat Subuh; dan<br>• Digalakkan untuk setiap keluarga melaungkan takbir hari raya di rumah masing – masing sehingga solat sunat Aidilfitri dilaksanakan. |
| 2 | AMALAN TAKBIR DARI RUMAH KE RUMAH | • **TIDAK DIBENARKAN** |
| 3 | SOLAT SUNAT HARI RAYA DI MASJID/SURAU | • **DIBENARKAN DENGAN SYARAT**:<br>i. Mengikut kapasiti masjid atau surau dengan penjarakan fizikal 1 meter.<br>ii. Bacaan Khutbah - Dipendekkan selama maksima 15 minit;<br>iii. Pemasangan khemah tambahan dan penggunaan tempat letak kereta di perkarangan masjid/surau untuk dijadikan ruang solat **TIDAK DIBENARKAN**;dan<br>iv. Jemaah Kanak – kanak berumur 12 tahun kebawah dan golongan berisiko **TIDAK DIBENARKAN** serta Jemaah wanita adalah **DISARANKAN UNTUK TIDAK MENGIKUTI** aktiviti solat sunat Aidilfitri. |
| 4 | JAMUAN SELEPAS SOLAT HARI RAYA DI MAJID/SURAU | • Jamuan selepas solat Aidilfitri di masjid/surau secara berbungkus dan diedarkan kepada para Jemaah untuk dibawa pulang. |
| 5 | ZIARAH HARI RAYA | • **DIBENARKAN DENGAN SYARAT**:<br>i. Hanya pada Hari Raya pertama hingga ketiga di kalangan ahli keluarga yang terdekat TIDAK MELEBIHI 10 ORANG;<br>ii. Tinggal dalam lingkungan daerah yang sama sahaja;<br>iii. Tertakluk kepada saiz kapasiti rumah;<br>iv. Sesi ziarah Hari Raya dihadkan dari 9 pagi hingga 9 malam (2 Jam untuk setiap 10 orang); dan<br>v. Tuan Rumah diwajibkan menyediakan QR Code MySejahtera dan mematuhi protokol kesihatan umum yang ditetapkan. |
| 6 | ZIARAH TANAH KUBUR | • Hanya dibenarkan 6 orang sahaja bagi satu keluarga untuk 1 lot kuburan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak berwajib.<br>• Pengurusan tanah perkuburan mengawal keluar masuk orang berziarah dan menyediakan QR Code MySejahtera serta mematuhi protokol kesihatan umum yang ditetapkan<br>• Had masa 45 minit bagi 1 lot kuburan. |
| 7 | PENGANJURAN SEBARANG MAJLIS HARI RAYA DAN RUMAH TERBUKA | • **TIDAK DIBENARKAN** |

**KETETAPAN BAHARU SOP PKPB BAGI SELURUH NEGERI SABAH**
**TARIKH KUATKUASA: 12 MEI HINGGA 7 JUN 2021**

| AKTIVITI | PENERANGAN SOP |
|---|---|
| **KAWALAN PERGERAKAN** | • Aktiviti rentas Daerah **TIDAK DIBENARKAN** mulai **10 hingga 16 Mei 2021 KECUALI** atas urusan kecemasan, perubatan, pekerjaan (awam/swasta), Temujanji Vaksinasi COVID-19, Pasangan Jarak Jauh dan *essential services*. Dalam tempoh ini, pembahagian Zon mengikut Daerah adalah tidak digunapakai dan Daerah Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang dikategorikan sebagai satu (1) daerah.<br>• Bermula 17 Mei sehingga 7 Jun 2021, pembahagian Zon Daerah akan berkuatkuasa semula. |
| **AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI**<br>KEHADIRAN PENONTON | • Kehadiran penonton / penyokong ke *venue* sukan dan rekreasi adalah **TIDAK DIBENARKAN.** |
| **AKTIVITI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** | i. Pelancongan pada tempoh 12-16 Mei dibenarkan dalam daerah sahaja;<br>ii. Pelancongan pada tempoh 17 Mei - 7 Jun dibenarkan dalam zon sahaja; dan<br>iii. Gelembung perjalanan antara daerah dan antara zon dalam tempoh 12 Mei hingga 7 Jun 2021 melalui syarikat agensi pelancongan perlu mendapatkan kebenaran khas daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) |
| **AKTIVITI KEAGAMAAN**<br>RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM | • Aktiviti di Rumah Ibadat Bukan Islam dibenarkan dengan had kehadiran tertakluk kepada 1/3 kapasiti ruang rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal. |

**KETETAPAN BAHARU SOP PKPB BAGI SELURUH NEGERI SABAH**
**TARIKH KUATKUASA: 12 MEI HINGGA 7 JUN 2021**

| AKTIVITI | SOP |
|---|---|
| **INSTITUSI PENDIDIKAN** | • Sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, institut pendidikan swasta adalah **DITUTUP.**<br>• Digalakkan untuk mengaplikasi pembelajaran atas talian.<br>• Tertakluk kepada arahan semasa untuk beroperasi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia. |
| **MAJLIS SOSIAL** | • **Larangan aktiviti seperti berikut:**<br>i. Kenduri kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis doa selamat dan tahlil, majlis makan malam dan majlis sambut hari jadi; dan<br>ii. Seminar, persidangan dan mesyuarat secara bersemuka<br>• Majlis akad nikah adalah dibenarkan dengan jumlah kehadiran dan SOP yang ditentukan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri bagi orang Islam dan Jabatan Pendaftaran Negara bagi orang bukan Islam.<br>• Sebarang permohonan pengecualian boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19). |

**SEBARANG KETETAPAN LAIN BOLEH DIRUJUK PADA SOP PKPB BAGI SELURUH NEGERI SABAH YANG DIKEMASKINI PADA 7 MEI 2021 MELALUI LAMAN RASMI MKN SABAH**

**LAMPIRAN B**

Dikemaskini pada 10 Mei 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUNG KERAMAT, SEMPORNA, SABAH.

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar pelajar dan kakitangan dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk pelajar dan kakitangan dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas kakitangan | Pergerakan pelajar dan | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan Kampung Keramat,Semporna,Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 11 Mei 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 24 Mei 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |

1

Dikemaskini pada 10 Mei 2021

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUNG KERAMAT, SEMPORNA, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar pelajar dan kakitangan dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk pelajar dan kakitangan dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas kakitangan | Pergerakan pelajar dan | Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua pelajar dan kakitangan di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang **Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUNG KERAMAT, SEMPORNA, SABAH.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas kakitangan | Pergerakan pelajar dan | Dibenarkan dengan bersyarat |

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar pelajar dan kakitangan dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk pelajar dan kakitangan dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, pelajar dan kakitangan dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua pelajar dan kakitangan yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |